

17/07/2002

Berita Harian kesal difitnah pembangkang

ALOR STAR, Selasa - Berita Harian kesal dengan tindakan parti tertentu membabitkan akhbar ini dalam kempen pilihan raya kecil Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit.

Pengarang Kumpulan Berita Harian, Datuk Rejal Arbee, berkata ia adalah fitnah dan menunjukkan parti terbabit kehabisan modal dan terdesak untuk memenangi pilihan raya.

Beliau berkata, tindakan menyebarkan risalah menghina Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan memetik kenyataan Perdana Menteri kononnya yang disiarkan akhbar ini adalah tidak benar.

"Ia tindakan parti yang bankrap idea sehingga sanggup menyebarkan fitnah semata-mata bagi mencapai kejayaan.

"Tindakan tidak bertanggungjawab dengan mengheret Berita Harian dalam kempen pilihan raya perlu dihentikan.

"Akhbar ini tidak pernah menyiarkan petikan kenyataan Dr Mahathir atau gambar Perdana Menteri memakai seluar pendek seperti yang terkandung dalam risalah itu," katanya hari ini.

Risalah itu memaparkan gambar Dr Mahathir dengan tulisan 'Saya adalah khalifah Islam yang disanjung negara Islam seluruh dunia' kononnya dipetik daripada Berita Harian terbitan 20 Julai 1999.

Satu lagi risalah dengan gambar yang sama juga mengandungi perkataan Berita Harian 20 Julai 1999.

Pada risalah itu ditulis "Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian, Nik Aziz bukanlah ulamak Islam sebenar, Haji Hadi Awang pula seorang penipu. Sayalah seorang pejuang Islam sebenar, saya adalah tokoh Islam yang disanjung di seluruh dunia.

Risalah itu diperoleh wartawan Berita Harian daripada sekumpulan petugas parti Pas, di Pendang, tengah malam tadi.

Mereka menahan kereta yang melalui hadapan markas dan menyebarkan risalah berkenaan.